

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PUSAT SENTRI BESUT
TERENGGANU

DISEDIAKAN OLEH:
AZIZIE BIN MOHD
SARIANA MUDA SAINS
(POLISI AWAM DAN SEKITARAN)

JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2002

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI PUSAT SERENTI BESUT
TERENGGANU**

BY

AZIZIE BIN MOHD

Sarjana Muda Sains

(Polisi Awam dan Sekitaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

2002

1100032989

PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH bersyukur saya kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah rahmat kurniaan-Nya saya dapat juga menamatkan Latihan Industri / Praktikal di Pusat Serenti Besut, Terengganu Darul Iman seperti mana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Am Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Sepanjang tempoh saya menjalani latihan praktikal di Pusat Serenti Besut (PSB), bermula dari 05 MAC 2002 sehingga tamatnya pada 26 MEI 2002 yang lalu. Ekoran dari itu saya telah memperolehi banyak ilmu pengetahuan dan juga pengalaman mengenai suasana persekitaran kerja yang sebenar yang belum ditempuh oleh saya sebelum ini. Segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi tidak mungkin diperolehi dengan begitu mudah sekiranya tidak menjalani latihan praktikal tersebut. Faedah ini juga akan saya pergunakan pada masa-masa yang akan datang Insya-Allah.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih saya kepada penyelia penyelaras Latihan Praktikal saya iaitu Encik Razali bin Abdullah yang sudi meluangkan masa untuk datang ke tempat praktikal saya di daerah Besut bertempat di Pusat serenti Besut.

Beliau banyak memberi pandangan dan membantu saya semasa menyiapkan segala tugas yang diberikan dari mula hinggalah berakhirnya tugas. Keperhatinan beliau juga dalam mengikuti perkembangan tugas yang dilakukan oleh saya amat dihargai.

Ucapan ribuan terima kasih juga tidak ketinggalan ditujukan untuk Tuan Komandan Pusat Serenti Besut (PSB) iaitu Tuan Hj. Nik Zuriadi bin Hj. Othman P/DSP dan juga kepada pemangku Timbalan Komandan iaitu Encik Abdul Mutalib bin Abdullah yang juga merangkap sebagai Penyelia Industri yang telah menerima saya untuk menjalani latihan praktikal serta memberi tunjuk ajar yang begitu baik sekali.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada ayahda dan juga bonda tercinta (Mohd bin Ismail & Masitah bt. Ismail) di atas dorongan dan sokongan dalam memberi semangat kepada saya setiap masa dan juga kepada rakan-rakan yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Akhir kata dari saya untuk semua 'segala pengorbanan anda dalam membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang Latihan Industri ini tidak akan saya lupakan.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

PUSAT SERENTI BESUT TERENGGANU (PSBT) ditubuhkan di bawah **AGENSI DADAH KEBANGSAAN (ADK)** bertujuan memberi rawatan secara formal dan tidak formal kepada remaja atau belia yang terlibat dengan najis dadah atau pil-pil yang terlarang oleh pihak berkuasa seperti polis dan sebagainya. Pusat Serenti Besut, Kampung Raja Terengganu (PSBT) mula ditubuhkan pada 15hb. Januari 1979 dengan keluasan 18.36 ekar, iaitu kira-kira 15 KM dari Bandar Jerleh.

Secara amnya, fungsi PSB adalah memberi rawatan kepada para penagih dadah bagi membolehkan mereka mendapat kesedaran dalam hidup bermasyarakat dan terhadap diri dan keluarga. Selama saya menjalani latihan industri di PSBT dapat saya mempelajari tentang aktiviti organisasi dalam pentadbiran dan kemahiran dalam menguruskan sesebuah organisasi serta pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar.

Daripada pengamatan yang saya buat terhadap beberapa proses kerja dapat saya mengenalpasti beberapa masalah, mengesan sistem yang sedia ada, rumusan analisis dan perbincangan, pelaksanaan cadangan dan implikasi dengan ini juga dapat saya membuat beberapa cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Dengan ini juga saya berharap pihak PSB dapat menerima terhadap cadangan yang telah diberi, ini adalah sebagai melengkapkan lagi proses kerja organisasi serta lebih cekap untuk meningkatkan lagi produktiviti kerja di PSB.

Adalah diharapkan laporan industri ini, dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada semua pihak terutamanya pihak Pusat Serenti Besut Terengganu dan sebagai sumbangan saya kepada pihak Pusat Serenti Besut Terengganu Darul Iman.